

## Konsep *al-Ta'rif* dan Kepentingan Dalam Tradisi Keilmuan Islam

Noraini Junoh<sup>1,a</sup>, Nor Asmira Mat Jusoh<sup>2,b</sup>, Norazmila Yusuf<sup>3,c</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2,3</sup>Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>a</sup>jannahadnin@yahoo.com, <sup>b</sup>norasmira@kelantan.uitm.edu.my, <sup>c</sup>norazmila\_yusuf@yahoo.com

**Kata kunci:** al-Ta'rif, Definisi, al-Hadd, Kepentingan, Tradisi Keilmuan Islam

**Abstrak.** Konsep *al-ta'rif* merupakan sebahagian dalam perbincangan ilmu mantik dan menjadi salah satu asas ilmu pengetahuan. Pada dasarnya *al-ta'rif* amat penting untuk mengawal pemikiran manusia daripada tersilap dalam mengemukakan definisi dan dalil-dalil. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep *al-ta'rif* dan kepentingannya dalam tradisi keilmuan Islam. Untuk itu, kaedah kepustakaan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisaan data. Data kajian diperolehi daripada karya-karya utama ahli falsafah dan sarjana-sarjana Islam khususnya yang banyak terlibat dengan kajian bidang mantik. Kerangka konseptual dibentuk dan dimantapkan menggunakan kaedah analisis tekstual deskriptif. Daripada analisis tekstual tersebut, konsep dan kepentingan pemikiran kritis Islam berasaskan pandangan tokoh-tokoh mantik dan falsafah khususnya dihurai secara terperinci agar dapat difahami tentang ilmu yang menjadi dasar kepada pelbagai bidang ilmu Islam tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *al-ta'rif* dibincangkan oleh pelbagai tokoh falsafah dan mantik dengan beberapa istilah yang sinonim iaitu *al-ta'rif*, *al-hadd* dan *al-qawl al-syarih*. Istilah-istilah ini merujuk kepada makna yang sama iaitu keterangan yang singkat tetapi jelas tentang makna atau pengertian sesuatu perkataan, istilah dan sebagainya setelah diterangkan keseluruhan hakikatnya secara sempurna. Maka, *al-ta'rif* amat penting dalam membentuk gambaran (*tasawwur*) dan pemikiran yang sempurna bahkan ia menjadi mukadimah ilmu-ilmu Islam seperti akidah, falsafah, ilmu kalam, fekah, *usul al-fiqh*, nahu dan lain-lain sebagaimana yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Islam.

### Pengenalan

Kehadiran Mantik dalam dunia Islam melalui penterjemahan karya-karya Yunani terutama karya Aristotle (m.322SM) khususnya Organon; Isagoge, Categories, De Interpretatione, Prior Analytics, Posterior Analytics, Topics dan lain-lain telah menarik minat para sarjana Islam menggunakan serta menghuraikan disiplin ilmu tersebut dalam bentuk yang berlainan. Ia bermaksud mereka cuba membawakan satu metode baru dalam penghuraian Mantik dengan menyesuaikan dengan sumber-sumber Islam terutama al-Quran dan al-Sunnah, sepertimana usaha murni yang dilakukan oleh Ibn Rusyd (m.1198M) dalam menghuraikan kaitan antara 'aql dan naql dalam karyanya yang terkenal *Kitab Fasl al-Maql wa Taqrir ma bayna al-Syari'ah wa al-Hikmah min al-Ittisal*.

Disiplin Mantik amat erat dengan tamadun Yunani yang menyimpan pelbagai khazanah ilmu akal sebagai wadah kebenaran. Sebagaimana yang telah dijelaskan, Mantik merupakan ilmu yang menyelidiki kebenaran atau kesalahan pemikiran manusia, atau sebagai alat untuk mengukur kebenaran dan kesalahan dalam proses berfikir. Dengan kata lain, pengetahuan tentang cara berfikir yang baik, benar, dan sihat. Kekuatan Mantik yang mengutamakan akal inilah yang menyebabkan para sarjana Islam berminat untuk menyatukannya dengan ilmu-ilmu Islam. Sememangnya akal adalah anugerah Allah SWT yang paling berharga dan wajib dipelihara. Maka, dilihat dari sudut positif ini juga sarjana Islam mengadun dan mendalami disiplin ilmu tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh al-Ghazali (m.1111M) ketika menggunakan Mantik dalam mukadimah kitab *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*.

Maka, disiplin Mantik telah mengalami proses Islamisasi dari semasa ke semasa dan melahirkan bentuk pengajiannya yang tersendiri dalam disiplin ilmu Islam. Setiap sub-topik yang terkandung dalam disiplin Mantik telah dihurai berdasarkan ilmu-ilmu Islam yang lainnya terutama merujuk kepada sumber al-Quran dan al-Sunnah. Disebabkan ini juga ulama-ulama Islam telah menggunakan istilah Mantik terhadap Logik. Pada dasarnya kajian tentang Mantik meliputi dua bahagian besar iaitu konsep (*tasawwur/concept*) dan pengesahan hukum (*tasdiq/judgement*). Setiap bahagian tersebut mempunyai bahagiannya yang tersendiri dan saling berkait. Topik utama dalam perbincangan tentang konsep ialah definisi atau *al-ta'rif* dan semua perbincangan lain dalam bidang *al-tasawwur* seperti perbincangan tentang *al-alfaz'* dan *al-kulliyat*

*al-khams*<sup>2</sup> adalah mukadimah perbincangan ini. Manakala dalam *al-tasdiq*, aspek hujahan atau *al-burhan* merupakan intinya yang terpenting dalam membentuk sesuatu pernyataan yang diyakini kesahihannya.

Namun, dalam makalah ini penulis hanya memfokuskan penulisan tentang kepentingan *al-ta'rif* dalam tradisi keilmuan Islam. Ia penting untuk mengetahui gambaran *tasawwur* yang sempurna berdasarkan ilmu Mantik yang telah disusun dan dibahaskan dalam tradisi ilmu Islam. Tetapi disentuh juga definisi *al-ta'rif* untuk memberi kefahaman tentang definisi yang terkandung dalam ilmu mantik.

### Definisi *al-Ta'rif*

Secara fitrahnya manusia selalu dan sentiasa ingin mencari atau mengetahui tentang hal-hal yang masih tidak diketahui (*majhul*). Sememangnya manusia memiliki sejumlah ilmu dan pengetahuan (*ma'lum*), baik yang bersifat konseptual (*tasawwur*) ataupun yang berbentuk pernyataan-pernyataan yang mengandungi penetapan hukum (*tasdiq*). *Majhul* sebagai anonim daripada *ma'lum*, juga terbahagi kepada dua iaitu *majhul tasawwur* dan *majhul tasdiq*. Untuk mengetahui hal-hal *majhul tasawwur*, kita memerlukan *ma'lum tasawwur*. Pencarian *majhul tasawwur* dinamakan "*al-ta'rif*" atau "*al-hadd*".

*Al-Ta'rif* atau *al-hadd* adalah jawapan dan keterangan yang didahului pertanyaan "apa?". Ketika kita berhadapan dengan sesuatu yang belum kita ketahui (*majhul*), kita akan segera bertanya "apa itu?". Ertinya, kita bertanya tentang kewujudan dan hakikat sesuatu itu. Jawapan dan keterangan yang diberikan adalah had (definisi) daripada sesuatu itu yang tidak sepatutnya melangkaui had sesuatu itu dari segi hakikatnya.

Oleh sebab itu, dalam disiplin ilmu, mentakrifkan atau mendefinisikan suatu perkara adalah amat penting sebelum membahas lebih lanjut masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Perdebatan tentang sesuatu benda akan menjadi sia-sia jika definisinya belum jelas diketahui dan disepakati pemahaman tentang hakikatnya yang sebenar. Ilmu Mantik bertugas menunjukkan cara membentuk takrif atau definisi yang benar. Dalam ulasan selanjutnya, penulis akan menjelaskan definisi *al-ta'rif* dari segi bahasa dan istilah.

**Sudut Bahasa.** Istilah "*al-ta'rif*" adalah sinonim dengan istilah "*al-hadd*" dan "*al-qawl al-syarih*". Dalam bahasa Inggeris pula, ia dirujuk kepada perkataan "*definition*". Kemudian istilah-istilah tersebut diserap ke dalam bahasa Melayu sebagai istilah "had", "takrif" dan "definisi".

Menurut *Kamus Dewan* (2005), "takrif" diertikan sebagai huraian yang ringkas dan tepat (tentang sesuatu seperti makna perkataan dan lain-lain), penjelasan, penentuan, dan pernyataan (yang menerangkan). Manakala "had" diertikan sebagai "batas" dan dalam bahasa Inggeris disebut "*limit*" atau "*border*". Perbuatan menghadkan sesuatu diertikan sebagai menentukan hadnya (banyaknya, luasnya, perenggannya dan lain-lain) atau yang membatasinya. Istilah "definisi" pula bermaksud kenyataan yang ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa, dan lain-lain.

Berdasarkan huraian perkamusan tersebut, ketiga-tiga istilah (takrif, had, dan definisi) yang telah dipinjam menjadi istilah bahasa Melayu mempunyai pengertian yang hampir sama iaitu kenyataan atau huraian yang ringkas dan padat atau tepat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa dan lain-lain.

Perkataan "*definition*" dalam bahasa Inggeris diambil daripada perkataan Greek yang sama dengan bahasa Latin *definitio* atau *finitio* yang bermaksud "*signifies*" tanda/makna (Gyekye, 1979; Bachhuber S.J., 1952; Sager, 2000; *The Encyclopedia Americana*, 1958) dan juga Kwame Gyekye (1979) menyebutkan "*setting limits to something, marking out by boundaries; it is only when the boundaries or limits of word have been marked out or determined that its exact meaning would stand out clearly and could be known and understood objectively*" (h. 170) atau dinyatakan oleh Juan C. Sager (2000) sebagai *definire* iaitu "*to enclose within limits*" (h. 1), ertinya memagari dalam lingkungan batasan atau "*to mark boundaries or limits*", iaitu menandakan batasan atau had. Dalam istilah perkamusan *The Encyclopedia Americana* (1958), definisi diertikan sebagai "*a concise account of the essential and characteristic points of a person or thing*" (h. 592), ertinya menjelaskan atau menerangkan secara ringkas ciri-ciri asas atau dasar sesuatu perkara.

1 Lafaz merupakan salah satu daripada kaedah dan perbincangan yang utama dan penting dalam ilmu Mantik. Lafaz memainkan peranan penting untuk menjelaskan tentang makna-makna yang hendak disampaikan oleh seseorang kepada orang lain ('Afifi, 1953).

2 Setiap definisi bergantung pada *al-kulliyat al-khams* yang digunakan. Ia merupakan kaedah Lima Universal atau kategori tentang klasifikasi sesuatu objek dalam hubungannya dengan objek-objek lain di dunia ini. Kaedah ini diketengahkan oleh Porphyry (m.305M), seorang tokoh neo-Platonisme, melalui bukunya *Isagoge* atau pengantar kepada buku *Categorias* oleh Aristotle tentang formulasi masalah universal (*The Problem of Universals*). Menurut kaedah pokok Porphyry (*Porphyry's Tree*) ini, terdapat susunan Lima Universal iaitu (i) *al-Jins (genus)*: haiwan, (ii) *al-Naw' (species)*: manusia (haiwan berfikir), (iii) *al-Fa'Il (difference)*: berfikir, (iv) *'Arad 'Amm (common accident)*: buta, dan (v) *'Aradh al-khas (proper accident)*: kemampuan ketawa (Matar, 1974; Mohd Fauzi Hamat, 2002; Abdul Rahman Haji Abdullah, 2006).

Di sini, penjelasan tentang intipati atau zat sesuatu hakikat tersebut menjadi matlamat penting dalam mencari makna sesuatu istilah atau hakikat secara tepat dan pasti. Apabila diberikan ciri-ciri utama yang mendasari hakikat sesuatu, maka tercapai maksud atau makna hakikat tersebut melalui penjelasan atau penerangan yang diberikan. Ciri-ciri asas atau utama dan pembatasan terhadap sesuatu amat ditekankan dalam mentakrifkan ‘definisi’ tersebut.

Merujuk pula kepada makna *al-Īadd*, sarjana bahasa mengertikannya sebagai mencegah (*al-man ‘u/al-daf‘u*) (Ibn Manzur, 1955; al-Jurjani, t.t.) atau pemisahan antara dua perkara (*al-fasl bayna al-syai‘ayn*) (Ibn Manzur, 1955) atau pemisah sesuatu (*tarafa al-sya‘i*) atau pemisahan antara dua perkara (*al-hajiz bayna al-syai‘ayn*) (Ibn Faris, 1970). Jamaknya adalah *ĪudĒd* (Ibn Manzur, 1955). Maka, Ibn Manzur (1955) menyatakannya sebagai, ‘pemisahan antara dua perkara sehingga kedua-duanya tidak bercampur atau salah satunya melangkau kepada yang satu lagi.’ (h. 140).

Sarjana-sarjana bahasa memberi makna istilah *al-hadd* berdasarkan makna kalimah *hudud* daripada al-Quran dalam ayat 187 dan 229 dari surah al-Baqarah. Secara umumnya, ulama nahu mentakrifkannya sebagai nama yang diberikan kepada zat sesuatu. Ulama *usul al-fiqh* juga menyebut makna *al-hadd* sebagai perkara yang membezakan sesuatu dengan sesuatu yang lain (Muhammad Nur Lubis, 2004). Begitu juga dengan ulama *Fiqh* yang membawakan makna yang sama berdasarkan sudut bahasanya (al-Mun‘im, t.t.).

Definisi ‘*al-hadd*’ ini juga seakan sama dengan makna ‘*definition*’ di atas, yang mana adanya pembatasan terhadap ungkapan sesuatu makna bagi mengelakkannya tersasar daripada maksudnya yang sebenar. Begitu juga, adanya tegahan daripada memasukkan elemen-elemen yang tidak berkaitan dengan perkara-perkara yang didefinisikan.

Manakala *al-ta‘rif*, secara etimologinya juga bermaksud pengertian atau batasan sesuatu dan dirujuk juga kepada makna *al-qawl al-syarih* iaitu ungkapan yang menjelaskan (H. Syukriadi Sambas, 1997). Maka, *al-ta‘rif* bermaksud memperkenalkan, memberitahu sehingga jelas dan terang mengenai sesuatu. (H. Baihaqi A.K, 2002). Ia merupakan penjelasan terhadap makna sesuatu dengan huraian yang jelas dan padat. Bertepatan dengan kedudukan definisi sebagai salah satu dasar atau *mabadi‘* 3 bagi sesuatu ilmu, ia merupakan konsep yang pertama diketengahkan bagi membentuk suatu ilmu atau sebagai jalan untuk sampai kepada *tasawwur* yang dicari.

Berdasarkan kepada makna ketiga-tiga istilah tersebut, ia boleh dirangkumkan kepada dua aspek yang menjadi asas kepada makna istilah ‘*al-ta‘rif*’ di atas. Pertama, menentukan had atau batas. Kedua, penjelasan terhadap sesuatu konsep atau makna. Kedua-dua makna ini saling berkaitan dalam melengkapi maksud ‘takrif’. Secara dasarnya, penjelasan atau penerangan terhadap sesuatu perkara mestilah disertai dengan had atau batasannya yang tertentu supaya tidak terangkum di dalamnya aspek-aspek di luar batasannya. Sebagai contoh, menghadkan takrif manusia sebagai haiwan yang berfikir. Perkataan ‘berfikir’ ini menjadi batas atau had antara manusia dan haiwan. Takrif manusia sebagai haiwan terlalu umum mencakupi segala bentuk haiwan di dunia ini. Maka, takrif atau definisi manusia sebagai haiwan yang berfikir atau berkata-kata adalah takrif yang tepat dan ringkas serta dapat membezakan antara manusia dengan haiwan-haiwan yang lainnya.

Apabila dihadkan sesuatu takrif, maka kita akan dapati suatu makna atau definisi yang lengkap dan jelas serta ringkas memenuhi bentuk takrif yang sebenar. Dengan ini, ia memberi kefahaman yang jelas terhadap makna sesuatu tanpa ada kekeliruan yang timbul berdasarkan pembatasan tersebut. Tujuan utama pembatasan atau penghadang adalah untuk memberi gambaran sama ada secara umum atau khusus tentang segala yang terungkap di lisan atau terlihat pada pandangan atau seumpamanya secara ringkas dan menepati maknanya yang sebenar.

***Sudut Istilah.*** Secara *mantiqi*, *al-ta‘rif* adalah teknik menerangkan baik dengan tulisan mahupun lisan yang dengannya ia menghasilkan pemahaman yang jelas mengenai sesuatu yang diterangkan atau diperkenalkan (H. Baihaqi A.K, 2002). Dengan kata lain, kaedah atau jalan untuk melahirkan atau menjelaskan tentang makna sesuatu yang masih kabur atau yang belum diketahui ialah menerusi ungkapan definisi. Boleh juga dikatakan sesuatu yang menjadi sebab tercapainya gambaran (*tasawwur*) sesuatu yang lain, sama ada dalam bentuk ayat, pengertian atau penjelasan. Tujuan membuat definisi adalah sama ada untuk menghasilkan gambaran sesuatu yang tidak dapat dibayangkan oleh akal atau untuk menentukan satu gambaran sesuatu daripada gambaran-gambaran yang timbul di dalam akal (Muhammad Nur Lubis, 2004). Definisi bukan sekadar aktiviti mental tetapi ia juga diekspresikan melalui perbuatan dan kata-kata untuk sampai kepada hakikat atau gambaran sebenar bagi sesuatu perkara. Dengan itu, seseorang mampu memahami suatu makna yang belum diketahuinya atau memahami hakikat-hakikat yang tergambar di dalam fikiran atau pada pandangannya bagi setiap perkara yang didefinisikan. Ini kerana adanya batasan antara hakikat-hakikat tersebut yang membezakan satu makna

dengan makna yang lainnya.

Istilah *al-ta‘rif* juga bermaksud keterangan yang sesingkat mungkin atau jelas mengenai sesuatu perkataan dan juga yang menyebut penentuan atau batasan terhadap sesuatu yang difahami secara menyeluruh setelah dinyatakan keistimewaan dan kelebihanannya (Majdi Wahbah & Kamil al-Muhandis, 1984) iaitu batasan dalam lingkungan keistimewaan yang tidak ada pada sesuatu yang selainnya. Caranya ialah seseorang pendefinisi perlu mencari aspek-aspek atau dasar-dasar yang hanya menunjukkan pada perkara itu sahaja tanpa dikongsi dengan yang lainnya. Apabila dijelaskan ciri-ciri tersebut, akan tergambar hanya pada perkara itu sahaja. Makna yang diutarakan ini seakan sama dengan makna di atas cuma adanya penambahan pada aspek penyebutan tentang keistimewaan dan kelebihanannya.

Dalam disiplin Mantik, pengertian *al-hadd* merujuk kepada konsep sesuatu secara tersendiri tanpa dikaitkan dengan sebarang penetapan hukum ke atasnya. *Al-hadd* diertikan sebagai ‘*term*’ (terminologi sesuatu) bagi sillogisme (*the term of syllogisme*). Dalam aspek ini, terminologi tersebut digunakan sebagai subjek atau predikat bagi sesuatu pernyataan sillogisme, *major term* (*al-hadd al-akbar*), *minor term* (*al-hadd al-asghar*), atau *middle term* (*al-hadd al-awsat*) (Jamil Saliba, 1982). Secara umumnya, *al-hadd* digunakan dengan pelbagai makna yang berbeza mengikut tiga bentuk proses mental atau akal iaitu dalam membentuk konsep, membuat pertimbangan hukum dan rasionalisasi (B. Lewis, 1986). Merujuk kepada definisinya, *al-Īadd* adalah memberikan elemen-elemen yang asas kepada sesuatu perkara yang didefinisikan bagi memperkenalkan atau memberikan ketepatan makna melalui pertimbangan dan kesimpulan yang dibuat oleh akal.

Sarjana falsafah Islam yang mengikuti perkembangan makna *al-hadd* telah menggantikan istilah *al-hadd* kepada *al-ta‘rif* bagi mengelakkan kekaburan makna antara ‘definisi’ dan ‘*term*’ atau *al-Īadd* dalam Logik. Tetapi makna *al-ta‘rif* masih dalam lingkungan *al-hadd* tersebut iaitu bagaimana menjelaskan had hakikat sesuatu. Di sini penulis akan menjelaskan makna *al-hadd* menurut tokoh-tokoh falsafah Islam.

***Pandangan Sarjana Islam.*** Sebelum penulis menjelaskan konsep *al-hadd* menurut sarjana Islam, elok dikemukakan kata-kata Aristotle tentang *al-hadd* dalam karyanya *Topics*, ‘*a ‘definition’ is a phrase signifying a thing’s essence.*’ (dalam Sager, 2000). Ia bermaksud suatu pernyataan yang menunjukkan intipati atau hakikat sesuatu. Dalam menjelaskan tentang hakikat sesuatu, Aristotle menggunakan kaedah Lima Universal. Beliau menegaskan bahawa takrif yang sempurna adalah menyebut segala sifat yang terhasil daripada genus (*jins*) dan pembeza (*fasl*). Sifat-sifat ini merupakan zat bagi hakikat suatu perkara dan dengannya akan dapat membezakannya dengan hakikat-hakikat yang lainnya. Contohnya takrif manusia sebagai haiwan berfikir. Takrif ini menyebutkan genus (haiwan) dan pembeza (berfikir). Justeru, definisi ini memberikan suatu hakikat yang hanya ada pada satu-satu perkara sahaja. Sekaligus ia menjawab persoalan ‘apa?’, ‘kenapa?’ dan ‘bagaimana?’ (Matar, 1974).

Maka, definisi yang dikemukakan Aristotle ini merupakan pencetus kepada huraian *al-hadd* yang dibahaskan oleh sarjana-sarjana Mantik Islam khasnya. Idea-idea Aristotle tentang *al-hadd* khususnya telah diterjemahkan secara harfiah dan dianalisis dengan mampan oleh tokoh-tokoh falsafah awal Islam dan selainnya. Perbincangan tentang ‘definisi’ bukan sekadar untuk mengetahui tentang sesuatu perkara, tetapi ia diperlukan dalam menentukan kebenaran sesuatu istilah dan pernyataan yang diungkapkan. Demikian itu, ia menjadi suatu perbincangan penting dalam setiap wacana keilmuan Islam khasnya.

Tokoh pertama yang membahaskan tentang *hudud* dan *rusum* adalah Jabir Ibn Hayyan (m.776M) (al-A‘sam, 1989). Beliau telah menjelaskan bahawa tujuan *al-hadd* adalah sesuatu perkara yang meliputi segala hakikat sehingga tidak dapat dikeluarkan atau dimasukkan padanya elemen-elemen yang bukan daripadanya (Paul Kraus, 1354H). Hal ini menunjukkan bahawa fungsi asas suatu definisi adalah memberikan batas umum daripada objek yang sedang didefinisikan sehingga dapat dipisahkannya daripada istilah-istilah yang lain.

Al-Farabi (m.950M) (1968) pula mentakrifkan *al-hadd* sebagai:

Definisi yang sempurna ialah [definisi] sesuatu yang dapat memberikan jawapan [kepada soalan] apakah sesuatu perkara itu, digunakannya sebagai indikasi untuk membezakan sesuatu perkara daripada perkara yang lain. Suatu definisi menjelaskan dua perkara, salah satu daripadanya menerangkan suatu zat atau hakikat. Manakala yang kedua, ia menjelaskan sesuatu yang membezakannya dari sesuatu yang lain (h. 78).

Manakala Ibn Sina (m.997M) (1906) menggunakan ungkapan *al-qawl al-syarih* (ungkapan yang menjelaskan) bagi *al-ta‘rif*. Maka, beliau mentakrifkan *al-Īadd* sebagai pernyataan yang menerangkan hakikat sesuatu. Makna tersebut diambil daripada ungkapan Aristotle yang juga disebut dalam *Kitab al-Hudud* yang dinyatakan sebagai ‘pernyataan yang menunjukkan hakikat atau intipati sesuatu iaitu menerangkan keseluruhan zatnya yang terhasil daripada genusnya yang paling dekat dan pembezanya (dalam al-A‘sam, 1989).

3 *Mabadi‘* terdiri daripada sama ada ia berbentuk *tasdiqat* atau *tasawwurat* dan yang berbentuk *tasawwur* pula ialah definisi *mawdu‘*, atau definisi bahagian-bahagian atau definisi cabang-cabang, dan sifat zat ilmu yang dikenali dengan lapan asas. Sesetengah ulama menyebut *mabadi‘* ilmu dengan sebutan "*mabadi‘* yang sepuluh", iaitu had, pencipta, nama, kedudukan, *mawdu‘*, hukumnya, matlamat, ketentuan, pengambilan, dan topik (al-Damanhuri, t.t.; al-Khatib, t.t.).

Definisi yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh falsafah awal Islam di atas menunjukkan bahawa mereka masih terikat dengan unsur-unsur *al-ta'rif* yang dikemukakan oleh Aristotle. Seterusnya penulis membawakan beberapa takrif *al-ġadd* berdasarkan ungkapan *mutakallimun*.

Menurut al-Asbahani (m.970M) (1999), *al-hadd* bermaksud kata-kata yang membezakan antara sesuatu yang didefinisikan dengan perkara yang tidak termasuk dalam lingkungannya. Beliau juga telah membawakan makna *al-hadd* yang dikemukakan oleh al-Imam al-Asy'ari (m.942M) yang bermaksud apa yang terhimpun dalam jenis sesuatu yang didefinisikan sahaja dan mencegah daripada dimasuki oleh selainnya.

Al-Amidi (m.1234M) (1993) menjelaskan *al-hadd* merupakan pernyataan tentang perkara yang membezakan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain berdasarkan zatnya. Manakala al-Jurjani (m.1413M) (t.t.) pula mengertikan "*al-ta'rif*" sebagai "pernyataan yang merujuk kepada penyebutan sesuatu yang terlazim daripada pengetahuan tentang [sesuatu yang disebut itu] seseorang akan mengetahui sesuatu yang lain (h. 50). Beliau juga menyebut *al-hadd* sebagai "kata-kata yang menunjukkan hakikat sesuatu" atau "pernyataan yang terangkum di dalamnya sesuatu yang bersekutu [pengertian] dengannya dan yang dengannya, sesuatu itu terbeza [dari sesuatu yang lain]" (h. 56).

Definisi-definisi yang dibahaskan oleh *mutakallimun* di atas kebanyakannya menyentuh tentang aspek pembatasan dan perbezaan sesuatu zat atau hakikat. Walaupun huraian-huraian dan kenyataan yang dikemukakan berbeza dengan ungkapan sarjana falsafah awal Islam di atas, tetapi dari sudut tujuan *al-hadd* itu sendiri adalah untuk mendapatkan suatu hakikat yang sempurna dan tepat iaitu dengan cara membeza dan membataskan sesuatu hakikat daripada selainnya.

Demikian itu, al-Imam al-Ghazzali (t.t.) yang terkenal dalam pelbagai bidang khususnya falsafah dan ilmu kalam telah mentakrifkan *al-hadd* sebagai "pernyataan yang menunjukkan kepada hakikat sesuatu secara lengkap dan sempurna" (h. 22). Di sini adanya penjelasan dengan lengkap dan sempurna tentang sesuatu perkara dan penjelasan tersebut menyentuh hakikat atau zat sesuatu yang dengannya dapat dibezakan antara sesuatu perkara dengan yang lain. Definisi ini sememangnya disepakati oleh tokoh-tokoh Mantik sebagaimana yang dibentangkan di atas.

Setelah dikemukakan beberapa pendapat *faulasuf* dan *mutakallimun*, jelaslah bahawa takrif *al-hadd* amat penting dibahaskan kerana ia merupakan salah satu dasar ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh yang dikemukakan oleh penulis amat berautoriti dalam membahaskan *al-hadd* sehingga ia menjadi rujukan sarjana-sarjana Mantik khususnya dalam mendapatkan suatu takrif yang sempurna.

Maka, dari sudut istilah ini, makna *al-hadd* dibahaskan secara mendalam bagi mencapai matlamat definisi yang diperlukan. Berbeza dengan perbahasan dari sudut bahasa yang dibahaskan dalam subtopik sebelum ini yang hanya mengutarakan makna *al-hadd* atau *al-ta'rif* dari aspek peristilahan perkamusan atau makna lafaznya. Dengan itu, secara umumnya, *al-ta'rif* memberikan satu lingkungan makna yang tersendiri terhadap sesuatu perkara melalui penyusunan kata-kata atau lafaz secara sistematik dan dengannya akan dapat difahami dengan jelas tentang hakikat sesuatu itu. Seseorang juga dapat mengenali sesuatu sama ada suatu yang abstrak atau tidak melalui penjelasan tentang klasifikasi dan sifat-sifat asasi yang telah dihadkan melalui pentakrifan, di mana dengan itu, ia akan dapat dibezakan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Dengan kata lain, ia merupakan keterangan yang singkat tetapi jelas tentang makna atau pengertian sesuatu perkataan, istilah dan sebagainya setelah diterangkan keseluruhan hakikatnya secara sempurna.

### Kepentingan *al-Ta'rif* Dalam Tradisi Keilmuan Islam

Mantik banyak menimbulkan polemik sepanjang perjalanan sejarah intelektual Muslim. Polemik ini bukan sekadar berkisar tentang penerimaan atau keberadaannya bersama disiplin Islam yang lain, malah setiap kandungan atau intipatinya dibahaskan secara terperinci oleh tokoh-tokoh Islam tersohor termasuklah perbahasaan tentang *al-ta'rif*.

Walaupun timbul ketidakseimbangan para sarjana Islam terhadap kemasukan Mantik dalam dunia Islam, sebagaimana sanggahan Ibn Taymiyyah (m.1263M) terhadap Mantik dalam karyanya *al-Radd 'ala al-Mantiqiyyin* (Zainal Abidin Baqir, 1998), kesungguhan dan keupayaan sarjana Islam lainnya terutama Ibn Sina, al-Farabi, al-Ghazali dan lain-lainnya mengupas serta mengharmonikan Mantik dengan roh Islam telah meletakkannya selari dengan ilmu-ilmu al-Quran, usuluddin, dan *fiqh* dalam struktur asas pendidikan pedagogi di beberapa wilayah Islam. Mantik bukan sekadar telah menjadi prasyarat dalam sistem pendidikan agama, malah ia telah mula dibahaskan sebagai sebahagian daripada perbahasan dalam beberapa ilmu-ilmu keagamaan seperti ilmu kalam dan *usul al-fiqh* (Mohd Farid, 2000).

Tokoh-tokoh falsafah Islam meletakkan ilmu Mantik sebagai ilmu pertama yang perlu dikaji sebelum memulakan ilmu falsafah lain seperti ilmu tabii dan metafizik. Tradisi ini diwarisi daripada Yunani. Mantik dan prinsip-prinsipnya digunakan juga oleh ulama Kalam dalam pengajian Usuluddin bagi menguatkan lagi hujah akal tentang ilmu ketuhanan. Dengan ini, dalam *halakah* ilmu tradisi Islam bersama-sama ilmu asas yang lain, ilmu Mantik telah dikaji sejak zaman-berzaman, bermula daripada perkembangan ilmu-ilmu tamadun Islam itu sendiri (Mohd Farid, 2000).

Secara umumnya, perbahasan definisi ini mula diutarakan oleh Aristotle dalam karya-karyanya yang terkenal seperti *Organon*, *Isagoge*, *Categories* dan lainnya. Ilmu yang dibahagikan kepada *tasawwur* dan *tasdiq* merupakan idea asal Aristotle. Karya-karya Aristotle ini menjadi model pertama Mantik Arab yang kemudiannya berkembang ke seluruh pelosok dunia Islam (Mat Rofa Ismail, 1997; Ibn Khaldun, 2004). Namun, perbincangan *al-hadd* secara lebih khusus tidak dibahaskannya (Mohd. Fauzi Hamat, 2004). Beliau hanya membahaskan kaedah-kaedah untuk mendefinisikan sesuatu dan falasi-falasi yang biasa terjadi semasa mendefinisikan sesuatu. Kaedah ini juga diperkenalkan oleh tokoh-tokoh Mantik Greek untuk mencapai tujuan-tujuan yang khusus iaitu mendefinisikan konsep-konsep asas yang menjadi sendi kehidupan manusia yang kira-kira kefahaman terhadapnya boleh memahamkan manusia terhadap '*al-hikmah*' khususnya '*al-hikmah al-nazariyyah*' yang boleh membantu manusia mempraktikkan '*al-hikmah al-'amaliyyah*' dalam kehidupannya dalam bentuk yang sebaik-baiknya (Mohd Fauzi Hamat, 2004). Boleh dikatakan bahawa usaha ke arah menghasilkan satu bentuk kaedah pendefinisian ini bermula dari zaman Socrates (m.399SM) (Collinson, 1987). Ketika berhadapan dengan golongan Sofist<sup>4</sup>, beliau telah menggunakan kaedah ini dalam menjelaskan hakikat sesuatu sekaligus menjawab dakwaan golongan tersebut yang mendakwa bahawa kebenaran adalah sesuatu yang relatif nilainya (Collinson, 1987; Kennedy-Day, 2003). Dalam karya *Theaetetus*, Plato (m.347SM) telah menghimpunkan dialog antara Socrates dan Theaetetus yang berkisar tentang makna beberapa istilah penting dan bagaimana cara mendapatkan suatu definisi yang tepat dan sempurna (Sager, 2000).

Perbahasan tentang *al-ta'rif* merupakan perbahasan terpenting dalam manhaj pengajian Mantik Formal atau Mantik Klasik yang terkandung dalam bahagian *al-tasawwur* (Hijazi, 1964). Kedudukan perbahasan ini adalah setaraf dengan perbahasan tentang *al-dalil* dalam bahagian *al-tasdiqat*. Kedua-dua perbahasan ini adalah penting dalam kajian Mantik kerana objektif penyusunan disiplin Mantik pada dasarnya adalah untuk mengawal pemikiran manusia daripada tersilap dalam mengemukakan definisi dan dalil-dalil. Perbahasan ini menjadi fokus utama dalam topik perbincangan *al-tasawwur* kerana kefahaman tentang maklumat-maklumat *al-tasawwur* menurut ulama Mantik hanya boleh diketahui melalui *al-hadd* atau *al-ta'rif*. Dengan itu, sebagai satu kaedah untuk mencapai hakikat sesuatu ilmu, perbincangan mengenai definisi ini mewakili separuh daripada perbahasan Mantik pada keseluruhannya (Zainal Abidin Baqir, 1998). Para sarjana berpendapat bahawa falsafah pada hakikatnya adalah merupakan satu binaan daripada himpunan definisi atau sekurang-kurangnya sesuatu yang menghuraikan tentang sistem-sistem dan metode-metode yang telah disempurnakan melalui himpunan definisi (Mohd Fauzi Hamat, 2002).

Walaupun perbahasan *al-ta'rif* secara langsung berkaitan dengan perbahasan *al-tasawwur*, namun dari aspek yang lain ia juga dikaitkan dengan perbincangan *al-tasdiqat* khususnya perbahasan tentang *al-burhan*. Pengetahuan tentang takrif amat penting bagi memastikan wujudnya unsur ketepatan dan keseragaman dalam penyataannya sebelum seseorang melaksanakan sesuatu perkara. Definisi yang diutarakan adalah berkait dengan perkataan dan klausa. Setiap perkataan tersebut hendaklah mempunyai pengertian yang boleh difahami secara bersama oleh pengucap dan pendengarnya. Maka, seseorang akan mengetahui sama ada sesuatu *al-mahmul* (predikat) yang digabungkan dengan *al-mawdu'* (subjek) mempunyai perkaitan hukum antara kedua-duanya ataupun tidak (Mohd Fauzi Hamat, 2002).

Sepanjang perjalanan disiplin Mantik dalam dunia Islam, banyak risalah yang telah dikarang oleh para ulama Islam yang membincangkan tentang *hudud* dan *rusum* sesuatu (iaitu dua jenis takrif yang lazimnya digunakan oleh ulama Mantik dalam mentakrifkan sesuatu perkara) bermula dari zaman Jabir Ibn Hayyan (*Mukhtar Rasa'il Jabir Ibn Hayyan*) sehinggalah kepada zaman al-Kindi (*Fi Hudud al-Ashya' wa Rusumiha*), al-Razi (*Muhassal Afkar al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhhirin*), Ibn Sina (*Kitab al-Hudud*), al-Ghazali (*Kitab al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*) dan lain-lain lagi (Mohd Fauzi Hamat, 2002; Kwame Gyekye, 1979; B. Lewis, 1986; al-A' sam, 1989).

Sebelum Ibn Sina, tokoh falsafah Islam seperti al-Kindi dan al-Farabi masih terikat dengan teks-teks Aristotle dalam membentangkan disiplin Mantik. Ibn Sina telah mempelopori satu tradisi pemikiran Mantik yang baru dengan merubah sistem pengkajian Mantik yang mengutamakan pendekatan penghuraian tekstual. Pendekatan Ibn Sina lebih bebas dan lebih terbuka kepada penyesuaian terhadap pemikiran Islam. Antara pembaharuan struktual yang diperkenalkan oleh Ibn Sina ialah pembahagian ilmu dalam kaitannya dengan perbahasan Mantik kepada dua bahagian umum iaitu, *tasawwur* dan *tasdiqat*. Pembahagian ini menjadi asas kepada perbincangan mengenai definisi (*al-hadd*) dan sillogisme (*al-qiyas*). Pendekatan Ibn Sina ini telah menjadikan Mantik yang diperkenalkan oleh beliau lebih mudah diikuti, ringkas dan padat (Mohd Farid, 2000).

Bermula daripada Ibn Sina, perbahasan *al-ta'rif* diutarakan dengan lebih sistematik dan membentuk satu disiplin ilmu

<sup>4</sup> Dalam bahasa Arab disebut sebagai *sufsa'iyun*. Mereka suka berhujah dengan memutarbelitkan perkataan dan mentafsirkan pelbagai maksud yang mengelirukan (Mat Rofa, 2015). Mereka membudayakan suatu corak dan pola berfikir yang memberi autoriti sepenuhnya kepada akal manusia untuk menilai 'kebenaran' dan 'kepalsuan' sesuatu perkara. Asas pemikiran epistemologi seperti ini nienyumbang kepada wujudnya kecelaruan minda dan keadaan haru-biru dalam masyarakat Greek (Mohd Fauzi, 2002). Antara tokoh terkenal dalam kalangan mereka adalah Protagoras, Gorgias dan Thrasymachus (Stumpt, 1983).

yang mantap. Namun demikian, fenomena kelahiran Mantik yang bersifat *Graeco-centric* telah menyebabkan ia diragui oleh beberapa kelompok masyarakat Islam. Antara idea Mantik yang turut mendapat tentangan ialah teori definisi dan kaitannya dengan ilmu. Ini ekoran daripada dakwaan sarjana Mantik bahawa definisi adalah jalan manusia sampai kepada konsep sesuatu. Definisi sesuatu benda, menurut mereka, ialah ilmu tentang benda tersebut. Dakwaan ini mendapat kritikan yang hebat daripada beberapa tokoh kerana selain daripada mengetepikan cara lain untuk mendapatkan ilmu, ia juga menobatkan Mantik sebagai ilmu yang paling penting untuk manusia mendapatkan ilmu-ilmu yang lain. Jalal al-Din al-Suyuti (m.911H), misalnya, mengkritik prinsip ini dengan menegaskan secara yang begitu sinis bahawa ‘semua komuniti ilmuwan, ulama, para pakar dan profesional mengetahui apa yang mereka katakan dalam disiplin masing-masing tanpa perlu bercakap tentang definisi (Mohd Farid, 2000).

Walaupun konsep ini mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu, hujah-hujah yang diutarakan oleh sarjana Islam seperti Ibn Sina, al-Ghazali dan Ibn Rusyd telah memberi ruang kepada disiplin Mantik untuk menempatkan diri dalam tradisi Islam. Prinsip-prinsip Mantik terutama teori *al-ta’rif* ini nampaknya mampu memperkukuhkan lagi cara pendalilan ahli-ahli agama terutama dalam bidang yang mempunyai fitrah dialektik dan penghujahan seperti Ilmu *usul al-fiqh* dan ilmu kalam. Justeru, mantik mula berkembang dan seterusnya berjaya meresap masuk ke dalam lingkungan ilmu-ilmu Islam.

Dalam disiplin *‘ilm al-kalam* pula, al-Imam al-Haramayn (m.1085M) dari kalangan Asya’irah merupakan satu-satunya pemikir Islam di zaman beliau yang mengeluarkan fikrah tentang *al-hadd* berdasarkan metode pemikiran mantik Aristotle. Beliau telah mengambil beberapa kaedah Mantik khususnya kajian *al-hadd* untuk dimasukkan di dalam kajian yang beliau lakukan. Langkahnya ini adalah jelas bertentangan dengan kecenderungan umum yang terdapat pada beberapa kumpulan aliran yang terdapat dalam masyarakat Islam zamannya. Beliau berpendapat bahawa objektif hakiki bagi *al-hadd* bukan untuk membezakan antara sesuatu di mana melalui hakikat inilah ia terbeza daripada benda-benda lain selain daripadanya (Mohd Fauzi Hamat, 2002, 2005).

Perbahasan *al-ta’rif* ini tidak terhenti di kalangan tokoh-tokoh falsafah awal sahaja. Ia kemudiannya diteruskan lagi oleh *“hujjah al-Islam”* dalam pelbagai karyanya terutama dalam mukadimah *Maqasid al-Falsafah* (B. Lewis, 1986), *al-Mustasfa*, *Miiak al-Nazar* dan *Mi’yar al-‘Ilm*. Dalam bidang *usul al-fiqh*, al-Ghazali telah memasukkan perbahasan dua bahagian utama mantik iaitu *al-hadd* dan *al-burhan* dalam kitabnya *al-Mustasfa*. Metode ini dibentangkan dalam bentuk yang lebih ringkas berbanding dengan apa yang terdapat dalam *Mihak al-Nazar* dan *Mi’yar al-‘Ilm*. Di dalam mukadimah *al-Mustasfa* terkandung penjelasan beliau tentang pengertian *al-hadd*, syarat-syarat dan bahagiannya di samping penjelasan tentang dalil berserta dengan bahagiannya (Mohd Fauzi Hamat, 2005).

Fakhr al-Din al-Razi (m.1209M), *mutakallim* besar abad ke-13 selepas al-Ghazali telah membentangkan satu mukadimah mantik yang hampir sama dengan mukadimah mantik yang terdapat dalam *al-Mustasfa*, melalui karyanya *Muhassal Ahfkar al-Mutaqaddimin wa al-Muta’akhirin min al-‘Ulama wa al-Hukama’ wa al-Mutakallimin*. Mukadimah ini telah dianggapnya sebagai rukun pertama dalam ilmu kalam. Di dalam mukadimah tersebut, beliau telah memperkatakan tentang kaedah-kaedah yang berkaitan dengan *al-tasawwurat*, *al-tasdiqat*, hukum-hukum *al-nazar* serta perbahasan tentang *al-dalil* berserta bahagiannya. Persoalan ini juga telah dibahas dalam bab pertama kitabnya *Ma’alim Usul al-Din* (Mohd Fauzi Hamat, 2005). Beliau juga meletakkan perbahasan definisi (*al-hadd*) dalam karyanya *al-Mabahith al-Mashriqiyyah*. Di dalam karyanya *al-Mahsul fi Usul al-Fiqh*, salah satu sumber yang berwibawa dalam bidang *usul al-fiqh*, al-Razi membahas mengenai prinsip-prinsip Mantik termasuklah *al-ta’rif* sebagai prasyarat penting kepada ilmu *usull al-fiqh*. Sementara karya tafsir beliau yang terkenal, *al-Tafsir al-Kabir*, menurut satu kajian, mempunyai 489 prinsip *usul al-fiqh* yang kebanyakannya terbit daripada prinsip-prinsip mantik (Mohd Farid, 2000).

Pengenalan mantik dalam karya-karya *‘ilm al-kalam* dan *usul al-fiqh* dengan memasukkan elemen-elemen penting seperti perbahasan *al-ta’rif* dan penghujahan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Islam terutamanya al-Ghazali dan al-Razi telah membawa satu pembaharuan dalam bidang-bidang tersebut, sekaligus memulakan satu era baru terutama dari sudut penulisan karya ilmu kalam yang berbeza daripada pendekatan lama *mutakallimun* sebelum mereka.

Al-Syafi’i (m.1072M), seorang tokoh Islam yang menentang keras ilmu mantik juga cenderung menggunakan metode-metode definisi dalam mantik dengan meletakkan definisi (*al-hadd*) terlebih dahulu kemudiannya disusuli oleh pembahagian tertentu berserta dengan contoh dan petikan-petikan tertentu bagi setiap bahagian tersebut. Metode-metode tersebut digunakan dalam karyanya yang terkenal *“al-Risalah”*. Beliau telah membentangkan beberapa takrif yang berbeza untuk tujuan perbandingan kemudian beliau memilih salah satu daripada takrif yang dikehendakinya daripada takrif-takrif tersebut. Berkemungkinan kecenderungan beliau ini bukanlah pengaruh daripada Mantik Arisotle tetapi hasil daripada kemahiran beliau menyusun gaya bahasa penulisan *al-Risalah* (Mohd Fauzi Hamat, 2002).

Pendekatan ulama Islam dengan mendahulukan proses *al-ta’rif* sebelum memulakan perbahasan suatu disiplin ilmu membuktikan pentingnya definisi bagi mengelakkan salah faham terhadap sesuatu konsep yang dibincangkan.

Mentakrifkan sesuatu atau objek ilmu pengetahuan sama ertinya dengan melibatkan diri dalam usaha intelektual, suatu usaha yang sangat dihargai oleh semua aliran pemikiran Islam kecuali oleh segelintir individu. Dalam pengecualian ini sekalipun, penolakan ditujukan bukan terhadap pentingnya usaha pentakrifan sesuatu istilah atau konsep, melainkan lebih kepada penekanan yang berlebihan terhadap Mantik yang dianggap sebagai satu-satunya disiplin ilmu yang menggarapkan persoalan definisi (Wan Mohd Nor, 1998; Zainal Abidin Baqir, 1997; Kennedy-Day, 2000). Kenyataan ini bermaksud kaedah untuk mentakrifkan sesuatu bukan terhenti setakat apa yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli Mantik Greek, tetapi terbuka dan boleh dilakukan dengan beberapa kaedah lain, misalnya kaedah-kaedah umum yang boleh dikeluarkan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Sememangnya ilmu tentang *al-hadd* amat penting dalam mencari atau membongkar segala hakikat alam ini. *Al-ta’rif* bukan sahaja tertakluk dalam disiplin mantik tetapi ia juga merupakan dasar atau asas dalam disiplin-disiplin ilmu lainnya. Manusia secara fitrah telah dianugerahkan deria rasa ingin tahu terhadap benda yang *majhul*. Bagi golongan yang diberikan kehebatan akal yang tinggi akan mengungkapkan sesuatu secara sistematik walaupun mereka tidak didedahkan dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Cuma kewujudan disiplin-disiplin ilmu adalah rentetan daripada segala pengetahuan dan rujukan bagi golongan yang mencintai ilmu.

Daripada rentetan tradisi keilmuan Islam, *al-ta’rif* merupakan suatu kaedah umum dalam proses berfikir selari dengan keperluan manusia dalam mana-mana tamadun. Ia bukanlah milik mutlak sesuatu tamadun khususnya Yunani kerana kemahiran mengkonsepkan sesuatu perkara telah ada dalam setiap fikiran manusia. Apa yang nyata bahawa nukilan tentang perbahasan definisi ini mula diutarakan oleh Aristotle dan dikemaskinikan oleh sarjana-sarjana Islam tersebut melalui proses saringan dengan merujuk terlebih dahulu kepada dasar-dasar al-Quran dan Hadis.

## Kesimpulan

Keberadaan Mantik dalam dunia Islam merupakan satu ‘bonus’ kepada umat Islam dalam menambah dan mengutip segala ilmu yang tidak bertentangan dengan akidah Islam serta segala ilmu yang menepati fitrah akal manusia. Usaha para tokoh falsafah dalam mengadun ilmu Mantik ke dalam ilmu-ilmu Islam harus dihargai, bahkan juga boleh dicontohi dan diteruskan usaha-usaha tersebut bagi memperkasakan lagi keilmuan Islam. Sememangnya umat Islam telah dianugerahkan kitabNya yang mulia sebagai panduan hidup dan sumber segala ilmu. Keagungan kitab al-Quran yang penuh dengan hikmah dan ilmu telah mendorong umat Islam untuk mengharmonikan segala ilmu yang diperoleh dengan merujuk kepada kitabNya. Maka, lahirlah ilmu-ilmu dalam bentuk yang tersendiri tetapi masih terikat dan terbatas dalam lingkungan wahyu Allah SWT tersebut.

Dalam pembentukan ilmu Mantik terutama yang berkaitan dengan *al-ta’rif*, ulama-ulama Mantik Islam telah mengutarakan satu definisi yang lengkap terhadap makna *al-ta’rif* bukan sahaja dengan mencedok apa yang diperkenalkan oleh pengasasnya Aristotle, tetapi mereka telah menggunakan beberapa kaedah dan syaratnya yang tersendiri. Dari segi bahasa, istilah *al-hadd* yang mewakili makna *al-ta’rif* telah diambil pengertiannya dalam al-Quran yang merujuk kepada pengertian tegahan dan batasan. Ibn Manzur telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang pengertian “batasan” dalam lingkungan batasan atau had-had Allah SWT. Dari sudut bahasa tersebut, makna *al-ta’rif* ini berkembang membentuk definisi istilah secara *mantiqi*. Kemudiannya dirujuk juga kepada makna asal yang diutara Aristotle. Dengan gabungan ini, ulama mantik telah mendapatkan satu bentuk definisi yang lengkap dan sempurna terhadap istilah *al-ta’rif* tersebut.

Demikian itu, perbahasan tentang definisi atau takrif ini amat penting dalam membentuk *tasawwur* yang sempurna. Ia juga perlu diterima dalam setiap lapangan ilmu dan pemikiran. Berdasarkan fitrah manusia yang sentiasa ingin tahu dan sentiasa ingin meneroka benda baru dalam meneliti setiap aspek kehidupan, manusia akan selalu terlibat dengan aktiviti pentakrifan tersebut. Secara tidak langsung, manusia akan memperoleh suatu ilmu yang baru berdasarkan suatu pentakrifan yang dibuatnya.

## Rujukan

‘Abd al-Mun‘im, Mahmud ‘Abd al-Rahman. (t.t). Mu‘jam al-Mustalahatt wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah. Kahirah: Dar al-Fadilah.

‘Afifi, Abu al-‘Ula. (1953). Al-Mantiq al-Tawjihi. Cet. 11. Kahirah: Matba’ah Iijannah al-Ta’lif wa al-Tarjamah wa al-Laysh.

Abdul Rahman Haji Abdullah. (2006). Falsafah dan Kaedah Pemikiran; Perbandingan Pemikiran Barat dan Pemikiran Islam dalam Menyelesaikan Masalah-masalah Manusia. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Al-A‘sam, ‘Abd al-Amir. (1989). al-Mustalah al-Falsafi ‘inda al-‘Arab. Cet. 2. Kahirah: al-Hay’ah al-Misriyyah al-

- ‘Amah li al-Kitab.
- Al-Amidi. (1993). *Al-Mubin fi Syarh Ma‘ani Alfaz al-Hukama’ wa al-Mutakallimin*. Cet. 2. Kahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Asbahani, Abu Bakr Muhammad Ibn al-Hasan Ibn Furak. (1999). *Kitab al-Hudud fi al-Usul (al-Hudud wa al-Mawdu‘at)*. Beirut: Dar al-Gharab al-Islami.
- Al-Damanhuri, al-Syeikh Ahmad. (t.t.). *Idah al-Mubham min Ma‘ani al-Sulam fi al-Mantiq*. Pulau Pinang: Tubi‘a bi Matba‘ah al-Mu‘arif.
- Al-Farabi, Abu Nasr. (1968). *Kitab al-Alfaz al-Musta‘malah fi al-Mantiq* Beirut: Dar al-Masyriq.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1964). *Mi‘yar al-‘Ilm fi Fann al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Andalus, h. 198.
- \_\_\_\_\_ (t.t). *Kitab al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- Al-Jurjani, Ali Ibn Muhammad. (t.t). *Kitab al-Ta‘rifat*. Jeddah: al-Haramayn li-Tabi‘ah wa al-Nasyar wa al-Tawzi‘.
- Al-Khatib, ‘Abd al-Hamid bin Muhammad ‘Ali Quddus bin ‘Abd al-Qadir. (t.t.). *Al-Amwar al-Samiyyah Syarh al-Dar al-Bahiyyah*. Kahirah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad. (1306H). *Taj al-‘Urus*. Jil. 2. Misr: al-Matba‘ah al-Khayriyyah.
- B. Lewis (ed.) (et.al.). (1986). *The Encyclopaedia of Islam*. Vol. III. London: Luzac & Co.
- Collinson, Diane. (1987). *Fifty Major Philosophers*. Ilzamudin Ma‘mur dan Mufti Ali (terj.). Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Gyekye, Kwame (1979). *Arabic Logik Ibn al-Tayyib’s Commentary on Porphyry’s Eisagoge*. Albany: State University of New York Press, h. 170;
- H. Baihaqi A.K. (2002). *Ilmu Mantik Teknik Dasar Berpikir Logik*. Cet. 2. Jakarta: Darul Ulum Press.
- H. Syukriadi Sambas. (1997). *Mantik Kaedah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ibn Faris, Abi al-Husayn Ahmad Ibn Zakariyya. (1970). *Mu‘jam Maqais al-Lughah*. Juz. 2. Cet. 3. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahan. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kahirah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukrim al-Ifriqi. (1955). *Lisan al-‘Arab*. Jil. 3. Bil. 13. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Sina. (1960). *Al-Isyarat wa al-Tanbihat*. Jil. 1. Misr: Dar al-Ma‘arif.
- Kraus, Paul (ed.). (1354). *Mukhtar Rasa’il Jabir Ibn Hayyan*. Kahirah: Maktabah al-Khaniji wa Matba‘atuha.
- Mat Rofa Ismail. (1997). *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (2015). *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matar, Amirah Hilmi. (1974). *Al-Falsafah ‘Inda al-Yunani*. Kahirah: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Mohd Farid Mohd Shahrani. (2000). *Logik Dalam Tradisi Ilmu Islam*. Jurnal al-Hikmah. 1. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Mantik: Suatu Analisa Terhadap Muqaddimah al-Kitab dalam Kitab al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul (Tesis Ph.D, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM)*.
- Mohd Fauzi Hamat. (2005). *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Nur Lubis (2004). *Penterjemahan Makna al-Quran: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran*. (Tesis Ph.D, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Noresah Baharom (ed.) (2005). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sager, Juan C. (2000). *Essays On Definition*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Saliba, Jamil. (1982). *al-Mu‘jam al-Falsafi bi al-Alfaz al-‘Arabiyyah wa al-Faransiyyah wa al-Inkiliziyyah wa al-Latiniyyah*. Juz. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-Banani.
- Stumpt, Samuel Enoch. (1983). *Philosophy History and Problems*. Edisi Ke-3. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Sufi, Louay. (1996). *The Foundation of knowledge: A Comparative Study in Islamic and Western Methods of Inquiry*. Selangor: International Islamic University Malaysia Press and International Intitute of Islamic Though Malaysia, h. 78.
- The Encyclopedia Americana. (1958). Cet. 27. Vol. viii. New York, Chicago, Washington D.C.: Americana Corporation.
- Wahbah, Majdi & al-Muhandis, Kamil. (1984). *Mu‘jam al-Mustalahat al-Adabi fi al-Lughah wa al-Adab*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas; An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Zainal Abidin Baqir. (1998). *The Problem of Definition in Islamic Logic: A Study of Abu al-Naja al-Farid’s Kasr al-Mantiq in Comparison with Ibn Taymiyyah’s Kitab al-Radd ‘Ala al-Mantiqiyyin*. Siri Tesis Mater ISTAC. Jil. 1. Kuala Lumpur: ISTAC.